



PERBADANAN STADIUM & KAWASAN LAPANG PULAU PINANG
STADIUM NEGERI PULAU PINANG, BATU KAWAN, 14100, PULAU PINANG
E-mel : general@psdklpp.gov.my Tel: 04 - 5899 209

Ruj. Kami : PSDKLPP.500-3/1/1 Jld.1 (7)
Tarikh : 23 Oktober 2023

SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN

Yang Amat Berhormat,

IKLAN JAWATAN KOSONG DI PERBADANAN STADIUM DAN KAWASAN LAPANG PULAU PINANG

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman Yang Amat Berhormat, Perbadanan Stadium & Kawasan Lapang Pulau Pinang akan mengiklankan jawatan kosong seperti senarai jawatan yang dikepilkhan bersama. Iklan ini akan turut dipamerkan di Buletin Mutiara.
3. Sehubungan dengan itu, dipohon kerjasama Yang Amat Berhormat untuk menghebahkan perkara ini kepada penduduk setempat.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”
“CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

[RASHIDAH BINTI JALALUDIN]

Pengarah Eksekutif
Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Negeri Pulau Pinang

Salinan Fail

Im/psdklpp/iklan

SILA SEBUTKAN NO. RUJUKAN KAMI BILA MENJAWAB



PERBADANAN STADIUM & KAWASAN LAPANG
P U L A U P I N A N G

IKLAN JAWATAN

Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan berikut :-

BIL	NAMA JAWATAN	GRE D	TARAF	KEKOSONGAN
1.	JURUTERA M&E	J41	KONTRAK	1
2.	PENOLONG PEGAWAI TADBIR	N29	KONTRAK	1
3.	PEMBANTU TADBIR (Korporat dan Komunikasi)	N19	KONTRAK	1

CARA MEMOHON : Semua permohonan jawatan perlu menghantar “resume” dan **sijil-sijil akademik sahaja** menerusi emel kepada temuduga@psdklpp.gov.my mulai **23 Oktober 2023**.

TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 22 November 2023.

Sebarang kemasukan atau permasalahan berhubung permohonan ini, sila hubungi Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang di talian berikut :- **04-589 9209**

Nota:

- 1) Bagi jawatan Pembantu Tadbir, pemohon perlu mempunyai pengalaman dalam bidang **Media, Komunikasi, Perhubungan Awam** dan lain-lain yang berkaitan untuk menjalankan kerja-kerja mempromosikan Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang.
- 2) Permohonan yang diterima setelah tarikh tutup iklan **TIDAK AKAN DILAYAN**.
- 3) Sekiranya pemohon tidak menerima sebarang maklumbalas dalam tempoh 6 bulan dari tarikh tutup iklan, calon-calon dianggap adalah **TIDAK BERJAYA**.

**SKIM PERKHIDMATAN
JURUTERA (MEKANIKAL & ELEKTRIKAL)**

- Klasifikasi Perkhidmatan : Kejuruteraan
- Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan dan Professional
- Gred Jawatan/Gaji : J41
- Jadual Gaji : (a) Gaji permulaan ialah pada Gred J41: RM2,529.00
(b) Gaji maksimum pada Gred J41: RM9,643.00
(c) Kadar Kenaikan Gaji Tahunan: RM225.00
(d) Elaun RM300.00 sebulan (Perkhidmatan Awam)
(e) Elaun RM300.00 sebulan (Imbuhan Tetap Perumahan)
(f) Elaun RM300.00 sebulan (Elaun Bantuan Sara Hidup)
- Taraf Jawatan : Kontrak
- Syarat Lantikan : 1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
(a) warganegara Malaysia;
(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
(c) Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- Syarat Kelayakan : 2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- Syarat Peningkatan Secara Lantikan : Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Jurutera adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Jurutera Gred J41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-
a. mempunyai kelayakan di perenggan 1 (c); dan
b. lulus Peperiksaan Badan Ikhtisas Bahagian I dan II anjuran Lembaga Arkitek Malaysia/Persatuan Arkitek Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan
c. had umur pelantikan:
i. berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
ii. berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
iii. berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

**SKIM PERKHIDMATAN
PENOLONG PEGAWAI TADBIR**

KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : **PENTADBIRAN DAN SOKONGAN**
KUMPULAN PERKHIDMATAN : **PELAKSANA**
GRED JAWATAN/GAJI : **N29, N32, N36, N40**
TARIKH KUAT KUASA : **1 JULAI 2016**

- SYARAT LANTIKAN**
1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - (c) (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N29: RM1,493.00); atau
 - (ii) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N29: RM1,493.00); atau
 - (iii) diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N29: RM1,770.95).
 2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
 3. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi), Pembantu Setiausaha Pejabat, Pembantu Tadbir (Kewangan), Pemeriksa Cap Jari dan Pegawai Khidmat Pelanggan adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Tadbir Gred N29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:
 - (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c); atau
 - (ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
 - (b) had umur pelantikan:
 - (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

PENETAPAN GAJI PERMULAAN	4. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred N29 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.
TEMPOH PERCUBAAN	5. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
LATIHAN	6. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
PROGRAM TRANSFORMASI MINDA/PEPERIKSAAN	7. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN	8. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah: <ul style="list-style-type: none"> (a) memenuhi tempoh percubaan; (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan (c) diperakuan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
PERGERAKAN GAJI TAHUNAN	9. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
KEPERLUAN KOMPETENSI DAN POTENSI	10. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.
KENAIKAN PANGKAT KE GRED N32	11. Penolong Pegawai Tadbir Gred N29 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Tadbir Gred N32 yang kosong apabila telah: <ul style="list-style-type: none"> (a) disahkan dalam perkhidmatan; (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan (d) diperakuan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
KENAIKAN PANGKAT KE GRED N36	12. Penolong Pegawai Tadbir Gred N32 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Tadbir Gred N36 yang kosong apabila telah: <ul style="list-style-type: none"> (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; and (c) diperakuan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
KENAIKAN PANGKAT KE GRED N40	13. Penolong Pegawai Tadbir Gred N36 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Tadbir Gred N40 yang kosong apabila telah: <ul style="list-style-type: none"> (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; and (c) diperakuan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**PENINGKATAN SECARA
LANTIKAN KE JAWATAN
PEGAWAI TADBIR GRED N41**

DESKRIPSI TUGAS

14. Penolong Pegawai Tadbir yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Tadbir Gred N41 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

15. Penolong Pegawai Tadbir yang dilantik adalah bertanggungjawab untuk menjalankan tugas harian termasuk pengurusan aset dan sumber manusia serta tugas-tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Penolong Pegawai Tadbir yang berkuat kuasa pada 1.1.2010 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 27 Tahun 2009).

**SKIM PERKHIDMATAN
PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI)**

KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : **PENTADBIRAN DAN SOKONGAN**
KUMPULAN PERKHIDMATAN : **PELAKSANA**
GRED JAWATAN/GAJI : **N19, N22, N26, N28**
TARIKH KUAT KUASA : **1 JULAI 2016**

- SYARAT LANTIKAN**
1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - (c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,352.00); atau
(ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,408.40); atau
(iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,464.80).
 2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
 3. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Bentara Parlimen, Pemandu Kenderaan, Penghantar Notis dan Pembantu Operasi adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N19, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:
 - (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c); atau
(ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
 - (b) had umur pelantikan:
 - (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

- | | |
|---|---|
| PENETAPAN GAJI
PERMULAAN | 4. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred N19 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan. |
| TEMPOH PERCUBAAN | 5. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun. |
| LATIHAN | 6. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan. |
| PROGRAM TRANSFORMASI
MINDA/PEPERIKSAAN | 7. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan. |
| PENGESAHAN DALAM
PERKHIDMATAN | 8. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah: <ul style="list-style-type: none"> (a) memenuhi tempoh percubaan; (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan. |
| PERGERAKAN GAJI TAHUNAN | 9. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan. |
| KEPERLUAN KOMPETENSI
DAN POTENSI | 10. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat. |
| KENAIKAN PANGKAT
KE GRED N22 | 11. Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N19 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N22 yang kosong apabila telah: <ul style="list-style-type: none"> (a) disahkan dalam perkhidmatan; (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan. |
| KENAIKAN PANGKAT
KE GRED N26 | 12. Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N22 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N26 yang kosong apabila telah: <ul style="list-style-type: none"> (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan. |
| KENAIKAN PANGKAT
KE GRED N28 | 13. Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N26 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N28 yang kosong apabila telah: <ul style="list-style-type: none"> (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan. |

**PENINGKATAN SECARA
LANTIKAN KE JAWATAN
PENOLONG PEGAWAI TADBIR
GRED N29 ATAU PENGHULU
GRED NP29**

14. Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Tadbir Gred N29 atau Penghulu Gred NP29 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) yang berkuat kuasa pada 1.11.2013 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 19 Tahun 2013).



PERBADANAN STADIUM & KAWASAN LAPANG
P U L A U P I N A N G

IKLAN JAWATAN

Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan berikut :-

BIL	NAMA JAWATAN	GRED	TARAF	KEKOSONGAN
1.	PEKERJA RENDAH AWAM	H11	KONTRAK	1

CARA MEMOHON : Semua permohonan jawatan perlu menghantar "**resume**" dan **sijil-sijil akademik sahaja** menerusi emel kepada temuduga@psdklpp.gov.my mulai **26 Oktober 2023**.

TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 25 November 2023.

Sebarang kemasukan atau permasalahan berhubung permohonan ini, sila hubungi Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang di talian berikut :- **04-589 9209**

Nota:

- 1) Permohonan yang diterima setelah tarikh tutup iklan **TIDAK AKAN DILAYAN**.
- 2) Sekiranya pemohon tidak menerima sebarang maklumbalas dalam tempoh 6 bulan dari tarikh tutup iklan, calon-calon dianggap adalah **TIDAK BERJAYA**.

**SKIM PERKHIDMATAN
PEMBANTU AWAM**

KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : KEMAHIRAN

KUMPULAN PERKHIDMATAN : PELAKSANA

GRED JAWATAN/GAJI : H11

TARIKH KUATKUASA : 1 JULAI 2016

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - a. warganegara Malaysia; dan
 - b. berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - c. Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3)/Penilaian Menengah Rendah (PMR) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
(Gaji permulaan pada Gred H11: RM1,218.00)
(Syarat Tambahan: Bagi tugas penyelamat, calon perlu memiliki Sijil Pertolongan Cemas serta berkebolehan berenang dan bagi tugas memandu enjin sangkut/motobot, calon perlu memiliki perakuan kekompetenan berkaitan daripada Jabatan Laut Malaysia)
(Gaji permulaan pada Gred H11: RM1,264.15)

**SYARAT KELAYAKAN
BAHASA MELAYU**

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat PT3/PMR atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

DESKRIPSI TUGAS

3. Menjalankan tugas-tugas am bersifat hands-on yang memerlukan keupayaan fizikal di dalam dan luar bangunan pejabat dan tugas-tugas berkaitan sokongan teknikal ke atas peralatan dan ruang kerja.
 - i. Menjalankan tugas penyelamat (lifeguard) di kawasan kolam renang.
 - ii. Menjalankan tugas pemanduan enjin sangkut/motobot.
 - iii. Melaksanakan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh ketua jabatan.
 - iv. Boleh diarahkan untuk bertugas dimana-mana aset milik Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang (PSDKLPP). Cth Stadium Negeri Pulau Pinang Batu Kawan, Dewan Milenium Kepala Batas, Kompleks Sukan Jalan Betek, Kompleks Sukan Jalan Betek, Kompleks Sukan dan Rekreasi Sony, Seberang Jaya.